

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 3 MEI 2016

✓
Hari Terbuka MPP tanda komitmen MBSA 3/5/16
SHAH ALAM - Hari Terbuka Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) membuktikan komitmen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam memastikan Pelan Tindakan Agenda 21 Shah Alam tercapai.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, ia selaras dengan usaha menjadikan Shah Alam sebagai bandaraya mampan.

"Ia adalah siri pertama anjuran MBSA yang diadakan di Jalan Kebun, Seksyen 30 dan akan diadakan di lokasi lain sekitar Shah Alam.

"Ia beri pendedahan kepada orang ramai mengenai fungsi serta peranan pihak majlis dan memperkenalkan ahli-ahli majlis di kawasan masing-masing," katanya.

Selain itu beliau berkata, pebagai aktiviti turut diadakan seperti program pemeriksaan kesihatan, sukan dan kebudayaan, ceramah keselamatan daripada MPP serta penyertaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

"Perkhidmatan Pejabat Bergerak Shah Alam On Wheel (SAOW) turut disediakan untuk kemudahan warga Shah Alam membuat semakan dan pembayaran cukai taksiran, pembayaran kompaun trafik, pembaharuan dan semakan lesen perniagaan serta kaunter aduan dan penjualan kupon letak kereta.

"Orang Kena Kompaun (OKK) juga berpeluang melangsaikan kompaun bagi kesalahan tempat letak kenderaan dengan," katanya.